

# Priority Primary Care Centres (Pusat Keutamaan Penjagaan Primer)

OFFICIAL

Malay | Bahasa Melayu

- Adakah anda perlu berjumpa doktor dengan segera?
- Priority Primary Care Centre (PPCC - Pusat Keutamaan Penjagaan Primer) memberi rawatan percuma untuk sesiapa yang perlukan rawatan segera kerana cedera atau jatuh sakit.
- Bagi rawatan yang diperlukan, doktor PPCC membantu anda mendapatkannya lebih cepat daripada unit kecemasan hospital.
- Mereka dapat merawat masalah seperti jangkitan ringan, lecur ringan, terseliuh atau tulang yang disyaki patah.
- Jika anda mengalami kecederaan atau sakit teruk, hubungi Triple Zero (000).
- Jika tidak memerlukan rawatan segera, buatlah temu janji dengan doktor anda yang biasa.
- Perkhidmatan PPCC termasuk patologi, radiologi dan farmasi.
- Perkhidmatan PPCC disediakan percuma untuk semua orang, dengan kad Medicare atau tidak.
- PPCC dibuka hingga lewat malam, tujuh hari seminggu.
- Temu janji tidak diperlukan.
- PPCC dibuka di serata Victoria.
- Better Health Channel memberi senarai lokasi PPCC dan penerangan lanjut:  
[www.betterhealth.vic.gov.au/health/servicesandsupport/priority-primary-care-centres](http://www.betterhealth.vic.gov.au/health/servicesandsupport/priority-primary-care-centres)
- PPCC dapat menyediakan jurubahasa. Hubungi Perkhidmatan Penterjemahan dan Jurubahasa TIS National, 131 450.